



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## PEKELILING PENDAFTAR

---

Bilangan 10 Tahun 2024

**TAWARAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN/ TANPA BIASISWA  
(TAJAAN YURAN PENGAJIAN SAHAJA) KEPADA PENOLONG PENSYARAH  
UiTM BAGI PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA  
SESI PENGAJIAN TAHUN 2024**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan mempelawa staf dari Kumpulan Penolong Pensyarah Universiti Teknologi MARA (Gred 29 hingga Gred 40) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa atau Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (Dengan Tajaan Yuran Pengajian) bagi mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda sesi pengajian tahun 2024.
2. Staf yang berkelayakan untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan atau sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi.

**LATAR BELAKANG**

3. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM) Bil. 63/2024 pada 30 Januari 2024 telah meluluskan pembukaan tawaran Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan dan Tanpa Biasiswa (Dengan Tajaan Yuran Pengajian) bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda kepada Penolong Pensyarah bagi tahun 2024 dengan syarat-syarat permohonan seperti yang ditetapkan.

## **SYARAT PERMOHONAN**

4. Syarat permohonan adalah seperti di Lampiran 1.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

5. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan calon yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh UiTM.

6. Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan untuk bercuti belajar oleh Ketua Jabatan pada tahun 2024.

7. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Ketua Jabatan berjaya ditawarkan biasiswa/ cuti belajar ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki memberi pelepasan cuti belajar kepada mereka untuk menjalani pengajian. Untuk makluman, pelepasan calon untuk bercuti belajar adalah dengan tanpa penggantian untuk jawatan berkenaan sehingga calon tamat cuti belajar.

## **TATACARA PERMOHONAN**

8. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:

8.1 Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian mulai 11 Mac 2024 melalui sistem e-Biasiswa Pelaksana dengan melayari laman web rasmi UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.

8.2 Permohonan yang tidak melalui e-Biasiswa Pelaksana tidak akan diproses.

8.3 Permohonan yang tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang tidak benar serta tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

- 8.4 PTJ perlu membuat semakan dan memastikan perakuan Ketua Jabatan dibuat pada permohonan calon melalui e-Biasiswa Pelaksana. Permohonan yang tidak disokong oleh Ketua Jabatan atau yang tidak mempunyai tindakan perakuan Ketua Jabatan sehingga tarikh tutup permohonan tidak akan diproses.
- 8.5 Tarikh tutup permohonan adalah pada 28 Mac 2024 jam 5.00 petang.
- 8.6 Permohonan akan melalui proses saringan dan sebelum disenarai pendek untuk sesi temu duga yang akan dilaksanakan dan dimaklumkan oleh Bahagian Kemajuan Kerjaya.
- 8.7 Keputusan permohonan adalah di bawah kuasa Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM), Universiti Teknologi MARA dan muktamad.
- 8.8 Calon yang berjaya menerima tawaran perlu memastikan mereka berjaya mendapatkan tempat pengajian dan memulakan cuti belajar dalam tahun 2024.

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

9. Pekeliling dikeluarkan pada 11 Mac 2024.

#### **TARIKH KUATKUASA**

10. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 11 Mac 2024.

اوسمیا، تقوی، مولیا

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN, *MMIHRM*)

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan  
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian  
Semua Dekan/ Fakulti/ Akademik/ Institut  
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit  
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(Bil.10/2024)

## LAMPIRAN 1

### SYARAT PERMOHONAN TAWARAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA DAN TANPA BIASISWA (TAJAAN YURAN PENGAJIAN SAHAJA) KEPADA PENOLONG PENSYARAH UiTM BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN SESI TAHUN 2024: PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA

1. Warganegara Malaysia.
2. Berjawatan tetap.
3. Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa memohon.
4. Telah memenuhi genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan UiTM dalam lantikan tetap.
5. Berumur tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh iklan ditutup.
6. Bebas daripada tempoh tindakan tatatertib.
7. Penilaian Prestasi Tahunan adalah:
  - a) minimum 90% untuk tempoh tiga (3) tahun\* terkini dan berturut-turut (kelayakan dengan beraswa); atau
  - b) minimum 85% untuk tempoh tiga (3) tahun\* terkini dan berturut-turut (kelayakan tanpa beraswa, tajaan yuran pengajian saha)

*\*Prestasi tahunan yang akan diambil kira bagi iklan ini adalah bagi tiga (3) tahun terkini yang telah disahkan dan dikemaskini dalam sistem.*

8. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh perkhidmatan di UiTM.
9. Telah mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa.
10. Mempunyai kelayakan Diploma yang berkaitan (ditegaskan oleh Universiti) dengan CGPA 3.00 dan ke atas atau yang setaraf dengannya dan memenuhi syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan mengikut program yang dipohon.
11. Permohonan daripada staf yang telah memiliki kelayakan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan tidak akan dipertimbangkan.
12. Permohonan daripada staf yang telah memiliki kelayakan di peringkat yang lebih tinggi daripada peringkat yang dipohon tanpa mengira bidang pengkhususan tidak akan dipertimbangkan.
13. Pemohon mestilah tidak pernah menerima beraswa ini bagi peringkat pengajian yang dipohon.
14. Pemohon mestilah bebas daripada senarai hitam peminjam PTPTN.
15. Tempoh pengajian dan cuti belajar adalah tertakluk kepada pelan pengajian dan keputusan Universiti.
16. Kursus yang diikuti mestilah berkaitan dengan tugas hakiki pemohon dan bertujuan untuk kepentingan perkhidmatan.
17. Tempat pengajian adalah di UiTM saha.
18. Calon yang memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat kemasukan ke UiTM bagi program Sarjana Muda yang akan diikuti.